

# Demonstrasi punca

Oleh Faizal Fadzil

BH 29 JUN 2000

SEKEMBALINYA daripada menghadiri Sidang Kemuncak G-15, Isnin lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan analisis menarik mengenai tindakan keterlaluan beberapa pelajar sekolah sejak akhir-akhir ini.

Sebagai pemimpin veteran, Perdana Menteri mengemukakan satu analisis ringkas dan unik mengenai sikap 'menyimpang' kanak-kanak dan remaja masa kini dan kaitannya dengan tindakan segelintir anggota masyarakat yang semakin berani menunjukkan rasa tidak hormat mereka kepada undang-undang negara.

Perdana Menteri segera menyalahkan segelintir pihak tertentu yang mengajar rakyat supaya tidak menghormati undang-undang dan mengadakan tunjuk perasaan serta berkonfrontasi dengan polis atas kepercayaan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.

"Kejadian tidak mematuhi

undang-undang adalah satu daripada kesan tunjuk perasaan dan cubaan mencabar serta berkonfrontasi dengan polis. Kalau kita tidak menghormati undang-undang, satu hari nanti kita tidak akan selamat lagi, ini nampak satu 'trend'," kata Dr Mahathir.

Ternyata, sikap segelintir golongan tertentu yang tidak lagi menghormati undang-undang dan berani melawan anggota polis, menjadikan kanak-kanak dan pelajar terbabit semakin berani untuk bertindak ganas.

Pandangan ini amat menarik kerana setakat ini tiada penganalisis, pakar sosiologi atau psikologi kanak-kanak yang mengemukakan pandangan yang sealiran dengannya.

Kebenaran kenyataan itu tidak dapat dinafikan sepenuhnya meskipun sudah hampir pasti akan ada parti pembangkang yang akan mendakwa Dr

Mahathir cuba menyembunyikan kelemahan sistem pendidikan negara dengan menyalahkan golongan 'reformasi' yang ghairah untuk melaung-kan pendirian di jalanan.

Namun, kebenaran kenyataan itu tidak boleh dinafikan sepenuhnya. Memang selama ini, banyak pihak, termasuk pembangkang, menganggap media memainkan peranan penting dalam pembentukan minda, sikap dan keperibadian masyarakat.

Banyak pihak yang menganggap tindakan media, khususnya media elektronik menyiarkan pelbagai filem bercorak ganas yang membabitkan remaja di Amerika Syarikat, mempengaruhi perkembangan sahsiah dan pemikiran remaja di negara ini.

Persoalannya, mengapa sekarang baru berlaku kes membakar sekolah dan menikam murid tahun dua sedangkan filem-filem ganas itu sudah sekian lama

menjadi tontonan?

Mungkin kanak-kanak dan remaja kita lebih cenderung untuk menganggap bahawa kes-kes jenayah seumpama itu hanya berlaku di Amerika.

Namun, terima kasih kepada pelaksanaan sistem media terbuka, kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini boleh melihat sendiri bagaimana segelintir pelajar tempatan turut terbabit dalam kejadian ganas.

Kanak-kanak dan remaja ini sendiri dapat menyaksikan betapa bangganya individu-individu yang serupa, sering ditangkap dan ditahan polis, tetapi sentiasa tersenyum kononnya merekalah 'hero' kerana berani menentang polis dan kerajaan.

Malah, lebih dahsyat lagi apabila seolah-olah wujud konspirasi di antara media pembangkang dan media antarbangsa untuk menampilkan sikap remaja dan kanak-kanak yang sanggup bertindak ganas

## gejala sosial pelajar

dan membawa sepanduk yang menunjukkan mereka tidak menghormati undang-undang bagi bersama-sama menjayakan demonstrasi menentang kepemimpinan polis dan kerajaan.

Justeru, apabila kanak-kanak dan pelajar lain yang melihat suasana seumpama ini wujud di Malaysia, mereka akan menganggap polis dan kerajaan bukan lagi satu institusi yang wajar dibanggakan dan dihormati.

Mereka menganggap polis sebagai badan pengawal keselamatan yang tidak akan berupaya berbuat apa-apa bagi menghentikan keganasan yang mereka lakukan, termasuk jenayah seperti membakar sekolah dan memeras ugut pelajar lain.

Seorang ahli sosiologi Kanada dari Universiti Toronto, Metta Spencer, dalam bukunya *Foundations of Modern Sociology* menyifatkan tindakan me-

langgar atau mencabuli undang-undang serta menyimpang daripada norma kehidupan masyarakat mempunyai kesan yang amat buruk kepada masyarakat.

Antara lain, ia akan menghakis keyakinan bahawa setiap orang akan mematuhi undang-undang yang sedia ada. Apabila ada kelompok yang berbuat sesuatu yang berlawanan dengan undang-undang, ia akan menghakis keyakinan rakyat bahawa setiap orang akan mematuhi undang-undang.

Ini dengan sendirinya menjadikan undang-undang tidak lagi dihormati. Apabila ini berlaku, maka pandangan Dr Mahathir, bahawa negara akan menjadi huru-hara adalah satu hakikat yang sukar untuk disangkal.

Sebenarnya, ini juga tujuan golongan yang berdemonstrasi. Mereka mahu negara menjadi huru hara supaya Dr Ma-

hathir meletak jawatan.

Pada mulanya, ia bertujuan untuk memburukkan kewajatan ekonomi negara bagi memastikan kepemimpinan Barisan Nasional (RN) tidak lagi diyakini dan dipercayai rakyat.

Setelah kepemimpinan kerajaan membuktikan keupayaan menangani permasalahan ekonomi, maka kini gangguan sosial pula dipertingkatkan supaya kerajaan sekali lagi akan dipersalahkan.

Akibatnya, usaha Malaysia untuk menjadi negara maju dan makmur akan menemui jalan buntu sebelum gagal langsung menyembah bumi.

Jika kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat tetapi pada masa yang sama ada segelintir rakyat cuba menjahanamkan setiap usaha itu, maka matlamat suci perjuangan negara akan menjadi sia-sia.